

SOALAN NO: 132

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : RABU, 25 MEI 2016

RUJUKAN : L8 [PR-1342-L74236]

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan perkembangan projek-projek untuk menjadikan Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, perancangan dan perkembangan projek-projek di Kuala Lumpur dilaksanakan secara tersusun dan menyeluruh bagi mencapai wawasan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia.

Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020) sebagai satu panduan untuk membuat keputusan, perancangan dan pentadbir bandar serta pereka dan pembina terhadap arah pertumbuhan dan pembangunan yang bakal dilaksanakan. Pelan ini juga menjadi rujukan yang amat berguna untuk pihak-pihak berkepentingan atau mana-mana pihak yang mempunyai minat seperti pelabur, penduduk bandaraya, pelawat dan lain-lain dalam lebih memahami aspirasi masa hadapan serta bagaimana untuk mencapai aspirasi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, berdasarkan hala tuju strategik dan inisiatif pembangunan berdasarkan 8 teras pembangunan yang terkandung dalam DPBRKL 2020, projek-projek yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut;

Bil	Nama Projek Pembangunan	Status
1.	<i>Urban Design Guidelines City Centre</i> i. Kawasan Pasar Seni ii. Precint Chow Kit iii. Bukit Nanas	Dalam perancangan

Bil	Nama Projek Pembangunan	Status
	iv. Cadangan Skate Park IM4U v. Precint Botani vi. Bukit Bintang Precinct vii. <i>Little India Brickfields :The Hidden Gems</i> viii. Pudu Precinct	
2.	<i>River of Life</i>	Dalam pelaksanaan
3.	Laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal	Dalam pelaksanaan
4.	<u>Greener KL</u> Program Penanaman Pokok	Dalam pelaksanaan
5.	Menyediakan Perumahan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)	Dalam pelaksanaan/
6.	Pelan Induk Kawasan Industri WPKL 2025	Dalam perancangan
7.	Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon 2030	Dalam perancangan
8.	Projek-projek pembangunan mega yang mempunyai fungsi dan mercu tanda Kuala Lumpur seperti:- (i) Projek Bandar Malaysia; (ii) Projek Bangunan Warisan (118 – PNB); (iii) Projek KL Metropolis, Jalan Duta; (iv) Projek KL Sentral; dan (v) Projek KL TRAX dll.	Dalam perancangan/ perlaksanaan